

Pengurusan Teknologi Dalam Karya Kesusasteraan Melayu *Technology Management in Malay Literary Works*

*Mohd. Taha Abd. Wahab**
tahamegaconsult@gmail.com
Azhar Wahid
azhar@fbk.upsi.edu.my
Fakulti Bahasa dan Komunikasi,
Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia

** Corresponding author*

Received: 12 July 2024 ; Published: 31 Dec 2024

Abdul Wahab, M. T., & Wahid, A. (2024). Pengurusan Teknologi Dalam Karya Kesusasteraan Melayu. *Rumpun Jurnal Persuratan Melayu*, 12(2), 57 - 69. Retrieved from <https://rumpunjurnal.com/jurnal/index.php/rumpun/article/view/193>

ABSTRAK

Kajian mengenai pengurusan teknologi dalam karya sastra kurang mendapat perhatian penyelidik. Ianya ada kaitan dengan persepsi bahawa teknologi adalah satu bidang berkaitan sains dan matematik. Teknologi haruslah dilihat sebagai percambahan ilmu dan buah fikiran dalam proses penyusunan bahan serta perkara yang dirancang bagi menepati keperluan dalam memudahkan kelangsungan kehidupan harian manusia. Maka, teknologi boleh diklasifikasikan kepada dua sifat iaitu bersifat metafizikal yang boleh dipandang dan dipegang seperti peralatan, mesin dan sebagainya serta yang bersifat abstrak yang boleh dipandang tapi bukan dalam bentuk yang boleh dipegang seperti bahasa, persuratan dan sebagainya. Lantaran itu langkah awal telah dimulakan untuk meneliti mengenai pengurusan teknologi dalam novel-novel yang terpilih. Novel adalah sebahagian daripada karya kesusasteraan yang memperlihatkan kehidupan manusia. Ianya juga adalah naratif yang mengandungi peristiwa yang terwujudnya masalah dan konflik dalam watak watak, lalu aspek pengurusan menjadi salah satu manhaj untuk menyelesaikan perkara tersebut. Aplikasi pengurusan dapat membantu watak menghadapi permasalahan dan konflik ini bagi mencapai matlamat yang diinginkan. Aspek pengurusan teknologi dalam novel adalah dengan meneliti watak watak sebagai anggota masyarakat dan harus disandarkan kepada elemen perancangan, kepimpinan dan kawalan. Ini adalah kerana teknologi bukanlah sesuatu yang memberi kebaikan kepada manusia sahaja tetapi mempunyai implikasi negatif jika ianya gagal diurus dengan baik. Maka cabaran kajian adalah bertumpu kepada dua perkara pokok iaitu, pertama, mengenai pasti naratif teknologi dalam novel dan kedua mengenai aplikasi pendekatan pengurusan teknologi tersebut dalam novel.

Kata Kunci: Teknologi, naratif, pengurusan, perancangan, kepimpinan

ABSTRACT

Research on technology management in literary works has received limited attention from researchers. This is related to the perception that technology is a field associated with science and mathematics. Technology should be viewed as an expansion of knowledge and ideas in the process of organizing materials and plans to meet the needs of facilitating daily human life. Thus, technology can be classified into two types: the metaphysical, which can be seen and handled, such as tools, machines, and so on; and the abstract, which can be perceived but not physically handled, such as language, literature, and so forth. Therefore, initial steps have been taken to examine technology management in selected novels. Novels are part of literary works that depict human life. They are also narratives containing events that result in problems and conflicts among characters, and thus management aspects become one method to resolve these issues. Management applications can assist characters in facing these problems and conflicts to achieve desired goals. The aspect of technology management in novels involves examining characters as members of society and must be related to elements of planning, leadership, and control. This is because technology is not only beneficial to humans but also has negative implications if not managed properly. Hence, the challenges of this study focus on two main issues: first, identifying the narrative of technology in novels, and second, examining the application of management approaches in novels.

Keywords: Technology, narrative, management, planning, leadership

PENGENALAN

Sastera ialah ekspresi fikiran melalui medium bahasa. Maksud fikiran itu pula ialah idea-idea, pandangan, perasaan, pemikiran serta semua kegiatan mental manusia dan menjadi inspirasi kehidupan manusia yang diserlahkan dalam sebuah karya tulisan yang indah. Sastera juga ialah semua karya yang memuatkan perasaan kemanusiaan yang mendalam dan kebenaran moral dengan sentuhan keikhlasan, keterbukaan dan keluasan pandangan yang dinukilkan dalam bentuk bahasa yang mempersonakan. Secara umumnya sastera mengandungi beberapa unsur yang saling berhubungan. Unsur- unsur tersebut diuraikan seperti berikut:

- a) Isi kandungan sastera berupa fikiran, perasaan, pengalaman, idea, semangat, keyakinan, kepercayaan dan lain-lain.
- b) Ekspresi dan ungkapan—ekspresi dalam sastera adalah kata-kata yang berbentuk jelas atau retorik bagi memberi gambaran pengalaman dan fikiran agar dapat dirasai bersama pembaca
- c) Bentuk – unsur isi dalam sastera adalah simbolik dan mengambil kedudukan serta keadaan yang diluahkan dengan jelas seumpama pembaca berada dalam dunia pengarang yang ada kalanya gembira, duka, suka, sedih dan bermacam-macam lagi perasaan agar luahan pengarang memberi impak kepada pembaca.
- d) Medium pengungkapan sastera adalah bahasa. Bahasa yang digunakan mampu mewujudkan ungkapan peribadi, keadaan yang cuba digambarkan pada masa dan ketika penceritaan dalam sastera.

Oleh hal demikian, karya sastera jelas merupakan hasil seni kreatif yang bukan dicipta tanpaada sebarang tujuan, tetapi ia mengandungi sesuatu pesanan daripada pengarang. Berdasarkan hal ini, sesuatu pesanan oleh pengarang melalui karya sastera ciptaannya lebih-lebih lagi terhadap penciptaan novel, ia haruslah disandarkan kepada naratifnya. Hal ini kerana, naratif garapan pengarang itu menjadi peri penting dalam membentuk sesuatu yang bermakna. Sehubungan itu, naratif itu terikat dengan unsur intrinsik yang hadir dari diri pengarang dan dipengaruhi oleh unsur ekstrinsik, iaitu hal-hal berkaitan persekitaran pengarang. Oleh itu, untuk menjadikan unsur intrinsik dan ekstrinsik pengarang itu bermakna, ia haruslah berpegang kepada naratif yang menyentuh aspek pengurusan dalam kehidupan. Hal ini sangat penting agar dapat menghadirkan sesuatu nilai positif kepada pembaca. Sehubungan itu, sesuatu nilai positif diperoleh daripada pembaca menerusi sesebuah novel tersebut setidaknya-tidaknya dapat memandunya agar berwaspada dan menghindari dari melakukan perbuatan negatif sesuai dengan kehendak norma kesusilaan kehidupan.

Novel pula adalah sebahagian daripada karya kesusasteraan. Secara definisi, novel adalah hasil karya fiksi dalam bentuk penulisan mengandungi naratif yang panjang. Seperti dijelaskan Rahman (2001), iaitu karya fiksi itu “di dalamnya terdapat watak, latar, plot dan unsur-unsur fiksi yang lain.” Selain itu, naratif dalam novel memperlihatkan kehidupan manusia. Menurut Kamarudin dan Siti Hajar (1999), “novel sebagai satu bentuk penaksiran rencaman hidup manusia dan ia merupakan satu rangkuman tiga faktor utama yang berkait antara satu sama lain, iaitu pengalaman peribadi, realiti rencaman hidup dan imaginasi.” Oleh itu, mahu tidak mahu, pengarang yang menghasilkan novel akan dipengaruhi oleh unsur dalaman dan luaran teks ketika menggarap sesuatu naratif kepada pembacanya.

Oleh hal demikian dalam sesebuah novel, naratif tertumpu kepada kisah kehidupan manusia itu digerakkan oleh watak-watak yang mengalami sesuatu peristiwa. Menerusi hal ini, peristiwa yang dialami oleh watak-watak tidak dipaparkan secara mendatar di dalam teks, sebaliknya ia dipaparkan dengan cara plot dibahagikan kepada tahap permulaan, pertengahan dan pengakhiran. Hal ini bertujuan agar naratif dapat mengatur plot menjadi kompleks dan menarik. Selain itu, peristiwa yang dialami oleh watak-watak dalam novel akan memperlihatkan kesan sebab dan akibat.

Hal ini bertujuan untuk mewujudkan masalah dan konflik. Seperti dijelaskan Dean Tjosvold yang dipetik dalam Tuan Rusmawati dan Nooratikah (2023), iaitu wujudnya konflik watak-watak “disebabkan mempunyai keinginan yang berbeza dan boleh menghadirkan pertentangan antara satu sama lain kerana keinginan salah satu pihak tidak sesuai dengan keinginan pihak yang lain.” Oleh itu, watak-watak dalam novel yang mempunyai sifat manusia itu berhadapan masalah dan konflik, lalu sedaya upaya akan menyelesaikan kedua-dua hal tersebut agar keinginannya dapat dicapai.

Berdasarkan hal ini, naratif yang mengandungi peristiwa, lalu mewujudkan masalah dan konflik yang dialami watak-watak dapat ditelusuri melalui aspek pengurusan, iaitu bagaimana kedua-dua hal tersebut dapat dikendalikan. Oleh itu, aspek pengurusan yang diaplikasikan oleh watak-watak ketika bahagian permulaan kisah, bahagian pertengahan kisah, dan bahagian menyelesaikan sesuatu masalah dan konflik berdasarkan satu-satu peristiwa memainkan peranan yang sangat penting. Hal ini kerana, pengaplikasian pendekatan pengurusan yang terbaik dapat membantu watak-watak merealisasikan matlamatnya ketika berhadapan masalah dan konflik di bahagian pengakhiran naratif.

Pengurusan

Harold Koontz dan Heinz Weihrich dalam buku bertajuk Pengurusan (1997: 4) bahawa “pengurusan adalah sebagai proses merancang dan memelihara persekitaran apabila individu, bekerja bersama-sama dalam kumpulan, mencapai matlamat terpilih dengan berkesan”. Manakala Michael H. Menson, Michael Albert dan Franklin Khedouri dalam buku mereka bertajuk Management: Individual and Organisational Effectiveness berpendapat “pengurusan adalah suatu proses merancang, mengorganisasi, memimpin dan mengawal kerja-kerja yang dilakukan oleh ahli-ahli dalam sebuah organisasi dan penggunaan sumber-sumber dalam organisasi berkenaan bagi mencapai objektif dan sasaran yang telah ditetapkan untuk organisasi tersebut” (Ahmad Amran, 2002: 3). Selanjutnya Rahim Abdullah dalam bukunya bertajuk Asas Pengurusan (1998: 6) mendefinisikan pengurusan sebagai ‘aktiviti yang melibatkan usaha merancang, mengorganisasi, memimpin dan mengawal serta penglibatan anggota yang berada di dalam organisasi untuk sama-sama berusaha ke arah mencapai matlamat yang satu”.

Berdasarkan definisi-definisi di atas, kata kunci yang perlu diketahui dalam pengurusan ialah proses untuk mencapai objektif, matlamat dan sasaran sesebuah organisasi. Proses diertikan sebagai satu cara yang sistematik dalam melaksanakan sesuatu kerja atau sekumpulan tugas. Ahli- ahli dalam kumpulan atau sesebuah organisasi hendaklah bersama-sama berusaha mencapai matlamat sesebuah organisasi tersebut.

Prinsip-prinsip dalam Pengurusan

Terdapat lima prinsip dalam pendekatan pengurusan, iaitu:

- Perancangan
- Pengorganisasian
- Kepimpinan
- Penstafan atau Tenaga Kerja
- Kawalan

Perancangan

Menurut Gara Dessler “perancangan sebagai kaedah-kaedah yang terperinci yang diatur terlebih dahulu sebelum membuat sesuatu atau melaksanakan sesuatu tindakan.” Manakala Andrew F. Sikula pula menyatakan “perancangan mengandungi aktiviti-aktiviti fizikal dan mental yang dibuat sebelum berlakunya sesuatu.” Selanjutnya Harold Koontz menyatakan ‘perancangan sebagai penentu tentang apa yang hendak dibuat, bagaimana melaksanakannya dan siapa yang akan menjadi pelaksana” (Jaafar Muhamad, 1999: 39). Ini bermakna bahawa perancangan merupakan aktiviti-aktiviti asas yang berbentuk fizikal dan mental yang mesti dilakukan terlebih dahulu bagi menjayakan sesuatu matlamat itu.

Pengorganisasian

Organisasi boleh didefinisikan sebagai gabungan dua orang atau lebih yang bekerja bersama-sama secara berkordinasi bagi mencapai sesuatu hasil atau matlamat. Untuk mendapatkan pengurusan yang berkesan, seorang pengurus haruslah dapat mengorganisasikan sumber-sumber manusia, sumber-sumber fizikal, serta fungsi-fungsi seperti pemasaran, pengeluaran dan kewangan dalam cara yang sesuai dan wajar. Pengorganisasian pula sebagai penyusunan sumber-sumber organisasi tersebut dalam bentuk kesatuan dengan cara yang berkesan agar matlamat dan objektif yang dirancang dapat dicapai. Pengorganisasian menentukan cara mana matlamat tersebut akan dicapai dan menetapkan peranan dan tugas yang mesti dijalankan oleh tiap-tiap ahli dalam sesuatu organisasi tersebut serta hubungannya antara satu sama lain. (Jaafar Muhammad, 1999: 62). Pengorganisasian dalam sebuah organisasi dapat dianalogikan dengan proses penyusunan para pemain dalam pasukan bola sepak. Susunan dan posisi para pemain mengikut kebolehan dan kemahiran masing-masing. Misalnya, perlu ditentukan dengan teliti siapa yang patut menjadi pemain penyerang, siapa jadi pemain sayap, siapa patut jadi pemain tengah, siapa jadi pemain pertahanan dan siapa yang akan menjadi penjaga gol.

Kepimpinan

Kepimpinan pula dapat didefinisikan sebagai proses mengetuai dan mempengaruhi kegiatan ahli yang berkaitan dengan tugas mereka, supaya mereka rela bergiat dan berusaha ke arah pencapaian matlamat organisasi. Pemimpin tidak menekan atau mencucuk seorang ahli dari belakang; sebaliknya pemimpin tersebut meletakkan diri di hadapan kumpulan itu sambil memajukan dan mengilhamkan ahli-ahli kumpulan itu untuk mencapai matlamat organisasi. Misalnya, seorang pemimpin sebuah pancaragam (orchestra) yang bertugas untuk menyelaraskan irama lagu, melalui usaha-usaha bersatu ahli-ahli muzik di dalam orkestranya itu (Jaafar Muhamad, 1999: 197).

Penjawatan

Penjawatan dalam sesuatu struktur organisasi dapat didefinisikan sebagai keperluan ahli yang diperlukan dalam sesuatu kumpulan atau organisasi supaya setiap tugas yang perlu dilaksanakan terdapat ahli yang dipertanggungjawab menyempurnakan tugas tertentu dengan cekap dan berkesan (Harold Koontz & Heinz Wehrich, 1997: 302).

Kawalan

Kawalan dalam pengurusan adalah tertumpu kepada pengukuran dan pembetulan prestasi watak-watak di dalam teks sebagai usaha untuk memastikan bahawa objektif dan rancangan yang dirangka ke arah pencapaiannya disempurnakan. Menurut Jaafar (1997), iaitu “kawalan sebagai proses untuk menentukan atau menjamin supaya kegiatan organisasi terarah kepada pencapaian matlamat yang telah ditetapkan.” Sehubungan itu, seperti dijelaskan Mohamad Mokhtar (2023), iaitu “mengandaikan bahawa matlamat dan perancangan organisasi adalah

tetap dan tepat, lalu segala kegiatan hanyalah bertujuan untuk mencapai matlamat.” Oleh hal yang demikian, kawalan yang diimplementasikan oleh watak-watak ketika berhadapan masalah dan konflik di dalam teks tidak dapat merealisasikan sesuatu matlamat atau jalan penyelesaian, maka tindakan pembetulan atau pemulihan perlu dilakukan. Hal ini sangat penting agar proses penyelesaian masalah dan konflik perlu dilakukan secara tuntas bagi memastikan segala perancangan oleh watak dapat mencapai matlamatnya.

Teknologi

Teknologi merupakan satu konsep yang luas dan mempunyai lebih daripada satu takrifan. Takrifan yang umum ialah pembangunan dan penggunaan alatan, mesin, bahan dan proses untuk menyelesaikan sesuatu masalah yang dihadapi manusia.

Secara etimologinya, perkataan ‘teknologi’ itu berasal dari Bahasa Yunani yang membawa maksud ‘techne’ yang bererti seni, kerajinan dan berketrampilan dan digabungkan dengan perkataan ‘logos’ yang membawa maksud ilmu atau pengetahuan. Maka secara harfiahnya ‘teknologi’ membawa maksud yang lebih meluas iaitu ianya meliputi ilmu pengetahuan tentang sesuatu seni, pekerjaan dan berketerampilan tertentu. Malahan para ahli dalam perkara ini memberikan pandangan serta terjemahan pemahaman mereka mengenai maksud yang tersurat dan tersirat seperti berikut;

- Menurut Berniker (1987), teknologi adalah satu pengetahuan tertentu yang merangkumi metode(cara), seni dan pemahaman keperluan dalam sesuatu bidang tersebut.
- Menurut Seattle (2004) pula, teknologi adalah pengetahuan praktikal dan sistematik untuk meningkatkan produksi sesuatu pengeluaran produk dan perkhidmatan perundingan (*consultancy service*) serta pengurusan bagi memastikan kemampuan produktiviti, bersasar serta dilaksanakan dalam satu kaedah yang tersusun.
- Menurut Siemen dan Tittenberger (2009) pula, teknologi adalah sebuah cara mewujudkan pemikiran yang berobjektif dan merekabentuk perantaraan seperti mesin dalam mencapai suasana kehidupan yang lebih mudah dan berkualiti.

Dalam bahasa mudahnya teknologi ini berpaksikan ciri-ciri antaranya adalah;

- Keperluan kepada sesuatu pekerjaan atau perkara yang berlandaskan objektif yang menyeluruhserta tertumpu.
- Penggunaan sistem atau metode yang berteraskan ilmu pengetahuan.
- Penghasilan sesuatu yang bermanfaat kepada pengguna.

Maka boleh juga disorotkan bahawa definisi teknologi adalah percambahan ilmu dan idea atau buah fikiran dalam satu proses penyusunan bahan serta perkara yang dirancang agar lebih menepati kehendak dan keperluan dengan mengaplikasikan sistem dan cara bagi memudahkan perlaksanaan dan kelangsungan kehidupan seharian manusia. Idea teknologi janganlah dijumpukan kepada aplikasi dalam sains dan matematik tetapi ianya adalah lebih meluas lagi. Malahan tidak salah jika teknologi itu diklasifikasikan dalam dua kategori atau sifat yang jelas iaitu;

- Teknologi yang bersifat metafizikal yang boleh dipandang dan dipegang, dan
- Teknologi yang bersifat abstrak yang boleh dipandang, digunakan tapi tidak dalam bentuk yang boleh dipegang.

Antara contoh sifat teknologi yang disebut di atas adalah seperti berikut;

- Teknologi bersifat metafizikal seperti; mesin, peralatan, persenjataan, perubatan, pertanian, perhubungan, peralatan seni dan sebagainya; dan
- Teknologi yang bersifat abstrak antaranya ialah sistem pembelajaran, persuratan, bahasa, perkhidmatan, pengurusan dan sebagainya.

Kesemua bentuk teknologi yang ada sekarang ini telah berkembang sejak manusia pertama hidup melata di mukabumi ini. Pada zaman pra-sejarah, manusia mencipta berbagai peralatan bagi memenuhi proses kehidupan yang lebih sejahtera. Ciptaan yang dibuat adalah untuk memudahkan pekerjaan manusia agar boleh hidup dengan berdaya saing dan selesa. Seiring dengan berkembangannya zaman, manusia tidak putus-putus menggunakan ilmu serta cara untuk terus mencipta sesuatu agar memudahkan berbagai pekerjaan dan kehidupan. Implikasi dengan usaha ini menunjukkan manusia menjadi lebih efektif dan efisien dalam pekerjaan dan kehidupan mereka, seperti terciptanya komputer yang mampu memudahkan sesuatu pekerjaan dalam masa yang singkat. Teknologi juga hadir dalam menghasilkan produk yang bermanfaat untuk manusia baik dari segi metafizikal (mesin atau peralatan) mahupun dari segi abstraknya (pengurusan, bahasa atau persuratan).

PENGURUSAN TEKNOLOGI

Sesuatu teknologi yang diperkenalkan kepada manusia yang merupakan anggota organisasi masyarakat itu bukan sahaja bertujuan memberikan kesan positif kepada manusia itu sendiri, tetapi juga kepada masyarakat dan kehidupan. Namun begitu, apabila aspek pengurusan yang meliputi elemen perancangan, kepimpinan, dan kawalan terhadap perkembangan dan kemajuan teknologi tidak dipedulikan, ia memberi kesan sebaliknya. Dalam hal ini sesuatu teknologi tidak bersifat statik, sebaliknya ia akan berkembang sesuai dengan peredaran zaman kerana mengalami revolusi.

Oleh itu, dengan adanya sesuatu teknologi, ia dapat membantu manusia menjalankan aktiviti dengan lebih berkesan. Perkara ini dapat dirujuk dengan teknologi kepada kenderaan di darat. Berbanding dengan kenderaan di darat pada zaman dahulu yang menggunakan tenaga haiwan telah memakan waktu lama untuk menuju ke satu-satu destinasi. Namun setelah perubahan zaman, kemajuan teknologi kenderaan di darat, masalah tersebut dapat diatasi kerana kenderaan telah menggunakan tenaga mesin. Hal ini bukan sahaja dapat menjimatkan masa, tetapi juga dapat menjimatkan kos perjalanan.

Di samping itu, kemajuan teknologi apabila dilihat dari aspek pertanian seperti menggunakan traktor dapat membantu para petani dalam mempercepatkan proses pembajakan tanah dan penanaman anak benih. Hal ini sangat berbeza dengan proses pertanian yang menggunakan alatan tradisional seperti cangkul atau membajak yang menggunakan tenaga haiwan telah memakan waktu terlalu lama sehingga sehari-hari atau sehingga berbulan-

bulan. Selain itu, kemajuan teknologi juga memberi manfaat kepada nelayan. Hal ini kerana, perahu nelayan yang menggunakan teknologi kekinian dapat membantu kecepatan perjalanan ke kawasan penangkapan ikan, dan membantu proses mengambil hasil laut dengan menggunakan pukot yang ditarik oleh tenaga mesin. Hal ini sangat berbeza dengan kaedah digunakan nelayan secara tradisional kerana terpaksa menggunakan perahu layar selain memerlukan ramai tenaga manusia untuk mengambil hasil laut menggunakan pukot.

Selain itu, kemajuan teknologi yang memberikan kebaikan kepada masyarakat keseluruhan dapat dikenal pasti melalui pembangunan yang terdapat di kota. Hal ini kerana, dengan kemajuan teknologi, bangunan dapat dibina dengan lebih kukuh untuk menahan sebarang bencana alam. Kemudahan infrastruktur dengan menggunakan teknologi kekinian memberi keselesaan kepada masyarakat baik dari kemudahan awam seperti jalan raya, sekolah, hospital dan sebagainya. Berdasarkan hal ini, seperti dijelaskan Wahyudi dan Sukmasari (2014), iaitu “kemajuan teknologi saat ini tidak dapat dipisahkan dari kehidupan masyarakat.” Jelas, kemajuan teknologi yang dirasakan oleh masyarakat keseluruhan memberi impak positif dari segi psikologi kerana dapat menjalani hidup dengan selesa dan harmoni.

Namun begitu, kemajuan dan kepesatan teknologi yang dihasilkan untuk masyarakat ada kalanya memberikan impak negatif jika segelintir individu yang mengadaptasinya tidak menguruskan teknologi tersebut dengan baik. Hal ini kerana, kemajuan dan kepesatan teknologi jika disalah urus dapat mengundang implikasi bukan sahaja kepada individu itu sendiri, tetapi kepada masyarakat keseluruhannya. Perkara ini dapat dikenal pasti melalui kemajuan teknologi yang diaplikasikan di satu- satu kawasan industri. Apabila teknologi yang diaplikasikan tidak diuruskan dengan bijak seperti dijelaskan Elizebeth dan Dayangku Aslinah (2020), dapat memberikan kesan “kepada berlakunya penurunan kualiti alam sekitar.” Antara penurunan kualiti alam sekitar adalah pencemaran bunyi yang dihasilkan dari operasi kilang-kilang. Hal ini sudah semestinya memberikan kesan negatif kepada kehidupan manusia.

Selain itu, kemajuan teknologi yang diaplikasikan khususnya terhadap sektor pertanian juga mengundang implikasi negatif apabila tidak diuruskan dengan baik. Hal ini dapat dikenal pasti melalui penggunaan mesin ketika penebangan pokok yang tidak terkawal ketika membuka satu-satu kawasan pertanian akan memberi impak pencemaran udara disebabkan debu dari tanah dan asap dari mesin yang digunakan. Selain itu, seperti Mohd Fazli dan Abu Hanifah (2022), iaitu “pembukaan tanah secara berleluasa mencetuskan konflik antara haiwan dan manusia.” Hal ini kerana, haiwan liar contohnya seperti gajah tidak dapat mencari makanan di hutan yang menjadi tempat tinggalnya, lalu gajah yang kelaparan ini akan mencari makanan di kawasan pertanian yang sudah diusahakan. Secara tidak langsung, hal ini mengundang bahaya kepada manusia. Selain itu, kemajuan teknologi dari sudut penggunaan baja kimia bertujuan menyuburkan tanaman bagi memaksimumkan pengeluaran hasil tani mengundang implikasi apabila disalah urus akan menyebabkan masalah kesihatan kepadamanusia.

Di samping itu, kemajuan teknologi dari sektor perikanan juga apabila disalah urus dapat mengundang implikasi negatif kepada nelayan itu sendiri. Hal ini kerana apabila nelayan menggunakan teknologi penangkapan ikan di lautan secara agresif, akan menyebabkan kerosakan dan kemusnahan kepada terumbu karang. Selain itu, kewujudan kawasan industri dengan mengaplikasikan kemajuan teknologi berhampiran sungai dan laut,

tanpa ada kawalan untuk pembuangan sisa industri dapat mengundang kesan kepada pencemaran air. Hal ini boleh menyebabkan ikan-ikan mati dan tanah tidak menjadi subur. Sudah tentu implikasi negatif tersebut akan dirasakan oleh nelayan baik nelayan di sungai mahupun nelayan di laut.

Di samping itu, kepesatan teknologi dapat mengundang kesan negatif apabila masyarakat yang mengadaptasinya tidak menguruskannya secara benar. Hal ini dapat dikenal pasti melalui wujudnya masalah sosial akibat kejutan budaya disebabkan kepesatan teknologi itu sendiri. Antara masalah sosial yang dapat dikenal pasti adalah, masyarakat kurang bergaul antara satu sama lain. Perkara ini dapat dirujuk kepada kemajuan teknologi melalui penciptaan televisyen. Hal ini kerana, walaupun tujuan penciptaan televisyen dapat memberikan faedah kepada khalayak untuk mendapatkan maklumat, berita dan hiburan, tetapi bukanlah ia dapat dianggap sebagai penontonan sesuatu rancangan dari televisyen tersebut membuatkan individu tidak bergaul sesama jiran kerana lebih menumpukan kepada tontonan sahaja. Di samping itu, dengan ciptaan televisyen, membuatkan timbul sikap malas bekerja kepada segelintir individu kerana lebih asyik menonton rancangan televisyen. Selain itu, hiburan yang diperoleh daripada tontonan dari televisyen juga dapat memberikan kesan negatif, iaitu mudah terpengaruh dengan filem-filem yang ditayangkan sehingga sanggup melakukan perkara-perkara di luar batasan seperti tindakan jenayah atau melampaui batas kesesuaian sehingga terjerumus ke perbuatan maksiat. Selain itu, kemajuan dan kepesatan teknologi yang dinikmati oleh masyarakat juga mewujudkan jurang status sosial. Hal ini kerana individu yang dapat beradaptasi dan menguruskannya dengan baik dari kepenggunaan sesuatu teknologi memungkinkan dirinya mendapat kemewahan dari aspek memperoleh dan menjana pendapatan. Hal ini sudah tentu menyebabkan golongan kaya sebegini mempunyai sikap tidak memiliki berasa pedulikepada golongan miskin.

Berdasarkan penerangan terhadap teknologi, kemajuan teknologi, kepesatan teknologi, kepenggunaan teknologi, dan mengadaptasi teknologi oleh manusia, jelas menunjukkan sesuatu teknologi yang dicipta itu pada dasarnya bertujuan memberikan manfaat, tetapi dalam pada masa yang sama mengundang implikasi negatif bergantung kepada cara menguruskannya. Berkenaan dengan ini apabila ditelusuri berkenaan masalah dan konflik watak-watak dalam novel terutamanya terhadap naratif yang mengangkat topik teknologi sebagai premis utama di dalam teks, dapatlah difahami sesuatu teknologi harus diuruskan dengan benar. Hal ini kerana jika ia tidak diambil peduli, akan mengundang kesan yang berpanjangan dalam kehidupan. Oleh itu, pengaplikasian pendekatan pengurusan teknologi oleh watak-watak dalam naratif novel bukan sahaja harus dilihat sebagai alat yang membantu manusia mendapat sesuatu kemudahan dalam melaksanakan sesuatu pekerjaan, sebaliknya ia harus dilihat sebagai simbol perhubungan antara manusia dengan manusia, perhubungan manusia dengan budaya, perhubungan manusia dengan alam, dan bahkan perhubungan manusia dengan Tuhan.

NARATIF TEKNOLOGI DALAM NOVEL

Novel-novel yang mengangkat naratif teknologi di dalam teks harus dilihat sebagai simbol. Hal ini kerana, teknologi sebagai simbol itu dapat memunculkan kepelbagaian tanda dan makna apabila dilihat dari aspek yang berbeza, iaitu samaada mahu dinilai sebagai positif

atau dinilai sebagai negatif. Dalam bidang kesusasteraan, tertumpu kepada novel, mengenali simbol sebagai tanda dan makna dapat dikaitkan dengan pendekatan semiotik. Semiotik adalah bidang mendapatkan tanda dan makna daripada sesuatu simbol. Berdasarkan hal ini, tanda-tanda dalam novel yang tertumpu kepada teknologi sebagai simbol dan ia sebagai subjek utama di dalam teks mempunyai banyak interpretasi makna. Sehubungan itu, makna yang diperoleh itu luas pengertiannya dan tidak statik serta terbatas. Berkenaan dengan hal ini, Barthes menjelaskan (1989), iaitu “fenomena memahami makna daripada tanda banyak memberikan interpretasi beragam kerana berkaitan dengan kebudayaan.” Oleh itu, makna yang diperoleh daripada tanda berpusat daripada sesuatu simbol tidak akan sama pengertiannya apabila disandarkan kepada budaya yang diamalkan oleh satu- satu bangsa. Hal ini kerana, kepelbagaian bangsa yang melahirkan kepelbagaian budaya dalam satu-satu negara, amat berlainan dengan kepelbagaian bangsa dan budaya dengan negara yang lainnya.

Oleh itu, memahami naratif novel yang mengangkat topik teknologi dan melihat bagaimana watak-watak menguruskannya secara benar haruslah diperhalusi secara berstruktur. Dalam hal ini, Barthes (1977) menjelaskan “memahami tanda dan makna secara berstruktur daripada sesuatu simbol melalui pendekatan semiotik yang diaplikasikan harus ada hubungan antara teks, dan pengalaman individu serta budaya penggunanya.” Selain itu, hubungan di dalam teks dengan apa yang dialami, dan diharapkan oleh pembaca menjadi perkara sangat penting untuk menuju ke arah pembinaan semiotik, dan seterusnya menemukan makna daripada sesuatu tanda yang dikaji sesuai dengan konteks yang dikehendaki.

Berdasarkan hal ini, jelas memahami teknologi sebagai simbol dalam sesebuah novel yang mengangkat topik teknologi sebagai subjek utama di dalam teks bukan bermaksud teknologi adalah sesuatu yang dapat memberikan kebaikan kepada manusia sahaja, tetapi ia juga mempunyai implikasi negatif baik kepada manusia itu sendiri, tetapi juga kepada masyarakat dan kehidupan jika gagal diurus dengan baik. Oleh itu, untuk memahami simbol dari sesebuah novel yang mengangkat topik teknologi dalam naratif, ia harus dilihat bukan kepada watak-watak sahaja, tetapi kepada elemen membangun novel tersebut seperti dialog, latar masyarakat, latar budaya, dan plot. Selain itu unsur ekstrinsik yang mempengaruhi pembinaan novel tersebut yang berkaitan dengan perkembangan dan kepesatan teknologi juga harus diperhalusi dan diselidiki. Hal ini kerana ia dapat membantu untuk mengenal pasti aspek pengurusan yang tertumpu kepada elemen perancangan, kepimpinan, dan kawalan terhadap teknologi adakah diimplementasikan oleh watak-watak di dalam teks atau pun tidak.

Rentetan permasalahan terhadap novel yang mengangkat topik teknologi sebagai naratif utama dan bagaimana teknologi yang diadaptasi itu memberi kesan kebaikan atau sebaliknya kepada manusia, masyarakat dan persekitaran dari aspek pengurusan, ia dapat diperhatikan kepada novel yang dihasilkan oleh Shahnnon Ahmad. Shahnnon Ahmad yang merupakan Sasterawan Negara, telah menuliskan novel bertemakan teknologi melalui *Tivi* (1995), *Sampah* (1977) dan *Kemelut* (1977). Berdasarkan ketiga-tiga novel yang diketengahkan pengarang ini telah memperlihatkan peri penting pengurusan teknologi harus diambil perhatian oleh masyarakat keseluruhannya. Hal ini kerana, ia dapat menjamin kesejahteraan hidup yang harmoni. Sehubungan itu, pengurusan teknologi jika tidak diambil

perhatian serius memberikan kesan yang berpanjangan dalam kehidupan bermasyarakat.

Berdasarkan premis Tivi, pengarang memberikan teknologi sebagai simbol kepada televisyen yang menjadi alat membentuk peribadi individu selain mengundang permasalahan khususnya kepada keluarga jika tidak menguruskannya dengan benar. Hal ini kerana, melalui naratif Tivi, pengarang telah memaparkan plot sebuah keluarga tani, iaitu Mat Isa dan Jeha di pendalaman Kedah yang seakan-akan tidak mengenali dunia luar yang sebenarnya kerana tidak mempunyai televisyen. Namun begitu, sifat dungu Mat Isa dan Jeha terhadap dunia luar ini berubah apabila anaknya, iaitu Chah telah merantau ke kota untuk bekerja di kilang skru. Hal ini kerana, Chah yang dapat mengumpul wang hasil gaji diterimanya, telah membelikan sebuah televisyen kepada keluarganya. Dari televisyen itulah, membuatkan Mat Isa dan Jeha dapat mengenali dunia luar melalui rancangan dan berita yang disiarkan. Secara tidak langsung, ia memberikan input ilmu secara tidak formal kepada keluarga tersebut.

Namun begitu, teknologi melalui televisyen yang diperoleh keluarga tani tersebut sebagai sesuatu yang memberikan kebaikan kepada mereka, sebaliknya telah mengundang kerosakan bahkan kehancuran. Perkara ini berlaku disebabkan televisyen yang dibeli Chah itu telah mengubah sikap Mat Isa yang dahulunya rajin ke bendang bersama isteri, menggembala lembu dan kerbau serta memangkas rumput di halaman rumah, kini lebih banyak menghabiskan masa di atas tikar mengkuang bersama keluarga untuk menonton televisyen. Selain itu, kesan negatif dari pengadaptasian teknologi dari keluarga Chah adalah, adik perempuannya yang dahulunya rajin memasak untuk keluarga, kini mempunyai sikap tidak mahu melakukan pekerjaan itu kerana asyik menonton rancangan televisyen. Kemuncak tidak fahaman keluarga Chah dalam menguruskan teknologi yang dinikmati telah membuatkan keluarga itu sanggup melanggar batas agama dan tabii kekeluargaan. Hal ini berpunca setelah Chah membelikan alat pemain video yang menyebabkan fikiran Mat Isa bercelaru dan pengaruhi oleh keghairahan melampau kerana menonton filem porno. Oleh itu, apabila nafsu Mat Isa tidak dapat dikawal oleh fikiran yang waras, telah mendorong lelaki itu memperkosa anaknya Hasanah dan hampir berzina dengan Chah.

Manakala berdasarkan premis Sampah, pengarang memberikan teknologi sebagai simbol kepada perhubungan antara manusia dengan manusia. Naratif Sampah mengisahkan tentang watak Dia yang merupakan seorang pengemis di kota yang meminta sedekah untuk meneruskan kehidupan seharian. Walaupun begitu, watak Dia sentiasa memerhatikan keadaan masyarakat sekeliling dan melihat perubahan masyarakat yang semakin hari semakin berubah ke arah keburukan disebabkan kemajuan dan kepesatan teknologi yang ada di kota. Perkara ini berlaku disebabkan keadaan masyarakat di dalam novel tersebut sentiasa tertumpu kepada menjalani kehidupan seharian tanpa mengendahkan keadaan sekeliling disebabkan kesibukan terhadap kerja dan keinginan untuk mencari kenikmatan hidup. Oleh itu masyarakat di kota dalam novel tersebut tidak ada rasa peduli terhadap golongan yang tidak berkemampuan seperti watak Dia kerana terlalu obses dengan kemajuan dan kepesatan teknologi yang dinikmati oleh mereka. Berdasarkan hal ini, jelas permasalahan bagaimana individu gagal menguruskan teknologi membuatkan dirinya tidak mewujudkan rasa ihsan dalam hati nurani. Selain itu, novel ini juga menyentuh aspek kegagalan dalam mengurus teknologi membuatkan segelintir individu menjadi leka akan

keseronokan dunia dan bergelumang dengan maksiat.

Manakala berdasarkan premis *Kemelut*, pengarang memberikan teknologi sebagai simbol pembangunan yang dapat memberikan kesan positif dan negatif. Hal ini dapat dikenal pasti dalam naratif novel tersebut melalui pembinaan kilang-kilang di sekitar kampung nelayan Kuala Indah Permai menjadi ancaman serta tidak memberi kesan ekonomi yang sebenarnya kepada penduduk setempat walaupun pada dasarnya ia membuka banyak peluang pekerjaan. Berdasarkan hal ini, kepincangan dalam pengurusan teknologi telah menjadi penyebab Melayu kelas bawahan seperti Pak Mat dan Razali yang mendiami kampung tersebut yakin, kilang-kilang itu akan memberi implikasi kepada para nelayan dari aspek pencemaran. Selain itu, naratif dalam novel tersebut mengetengahkan tentang aspek positif terhadap kemajuan dan kepesatan teknologi dapat membantu para nelayan, terutamanya watak Razali yang mahu meningkatkan status ekonominya dengan menjadi nelayan laut dalam melalui pembelian bot serta enjin yang lebih berkuasa dan terkini. Namun, disebabkan kemiskinan telah membuatkan hasrat Razali itu terhalang. Di samping itu, naratif *Kemelut* mengetengahkan bagaimana individu yang gagal mengurus teknologi membuatkan para nelayan di Kuala Indah Permai terpaksa menukar profesi dari nelayan kepada petani. Konflik salah urus ketika mengadaptasi teknologi yang diketengahkan pengarang di dalam teks bukan sahaja terlihat kepada watak-watak Melayu kelas bawahan, tetapi kepada watak-watak Melayu kelas atasan yang memegang kekuasaan. Secara tidak langsung menunjukkan sikap kapitalisme yang salah dalam pengurusan teknologi memberi kesan keluruhan masyarakat di satu-satu tempat khususnya kepada para nelayan miskin.

RUMUSAN

Berdasarkan kepada ketiga-tiga premis novel Shahnnon Ahmad yang diketengahkan, jelas topik teknologi melalui ketiga-tiga teks tersebut sebagai simbol kepada kemajuan yang harus dinikmati dan diadaptasi oleh setiap manusia yang merupakan anggota organisasi masyarakat. Namun begitu, teknologi itu apabila di salah urus akan memberikan kesan negatif kepada keseluruhannya masyarakat. Oleh itu, perkara yang dapat dikenal pasti melalui kegagalan salah urus terutamanya terhadap watak-watak dalam ketiga-tiga novel tersebut adalah kerana mengabaikan pengurusan melalui elemen perancangan, kepimpinan, dan kawalan. Sehubungan dengan itu, watak-watak di dalam teks yang menerima dan mengadaptasi teknologi gagal mencapai matlamat untuk menjadikan teknologi tersebut sebagai sesuatu yang memberikan kesan positif dalam kehidupannya

Sehubungan itu, untuk menyelidiki dan menganalisis novel Shahnnon Ahmad, iaitu *Tivi*, *Sampah* dan *Kemelut* secara berstruktur dan sistematik, sesuatu pendekatan kesusasteraan harus diaplikasikan. Hal ini kerana, ia dapat memahami naratif teknologi, makna kepenggunaan teknologi dan selanjutnya merumuskan pengurusan teknologi yang diimplementasikan oleh watak-watak dalam ketiga-tiga teks tersebut dapat dirungkaikan secara berkesan. Oleh itu, pendekatan kesusasteraan yang dianggap sesuai adalah dengan mengaplikasikan Pendekatan Mitologi Roland Barthes untuk memahami makna kepenggunaan teknologi yang ada dalam ketiga-tiga teks. Selain itu, pendekatan Pengurusan Sastera yang diketengahkan oleh Mohammad Mokhtar Abu Hassan diaplikasikan untuk merumuskan aspek pengurusan terhadap penerimaan dan adaptasi

teknologi dalam ketiga-tiga teks tertumpu kepada elemen perancangan, kepimpinan dan kawalan. Oleh itu, iadapat mengungkapkan keinginan pengarang yang sebenarnya terhadap hal berkenaan kepenggunaan teknologi dan pengurusan teknologi dalam tiga-tiga naratif teks tersebut.

RUJUKAN

- Abu Bakar Abdul Hamid.(1997). *Diskusi sastera: Kesusasteraan moden*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Barthes, Roland, (1989). *“The Rustle of Language.”* California: University of California Press.
- Barthes, Roland (1977). *Image music text*. Terj. Heath, Stephen. New York: Hill and Wang.
- Che Wan Jasimah Wan Mohamed Radzi dan Osman Bakar. (1996). "Teknologi Menurut Perspektif Barat dan Islam." Dlm.*Jurnal Usuluddin. Volume 3, Jun 1996*. Pp. 147-155.
- Elizebeth Gustin dan Dayangku Aslinah Abd. Rahim. (2020). "Kesan Pembangunan Luar Bandar ke atas Kesejahteraan Hidup Masyarakat di Sabah." Dlm. *Jurnal Dunia Perniagaan, Volume 2, Nombor 4 (2020)*. Pp. 36-43.
- Jaafar Muhamad. (1999). *Asas pengurusan*. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti.
- Kamarudin Husin dan Siti Hajar Abdul Aziz. (1998). *Pengajian Melayu 4: kesusasteraan dan pengajaran*. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman.
- Mohamad Mokhtar Abu Hassan. (2023). “Sejarah, Definisi, Konsep dan Prinsip Pendekatan Pengurusan.” Dlm. *PENDETA Journal of Malay Language, Education and Literature, Jilid 13 Nombor 1*. Pp. 1-10.
- Mohd Fazli Abd Malek dan Abu Hanifah Haris. (2022). "Isu-isu alam sekitar dan perhuatan di Tanah Melayu sehingga tahun 1901." Dlm. *Jurnal Jabatan Sejarah Universiti Malaya, Nombor 31 (2), Disember 2022*. Pp. 17-40.
- Rahman Shaari. (2001). *Bimbingan istilah sastera*. Kuala Lumpur: Utusan Publications.
- Tuan Rusmawati Raja Hassan dan Nooratikah Daud. (2023). “Konflik Wanita Dalam Cerpen-Cerpen Terpilih Mawar Safei.” Dlm. *Jurnal Melayu, Volume 22 (1) 2023*. Pp. 52-66.
- Wahyudi, Hendro Setyo dan Sukmasari, Mita Puspita. (2014). "Teknologi dan kehidupan masyarakat." Dlm. *Jurnal Analisa Sosiologi, April 2014, 3 (1)*. Pp. 13-24.
- Ahmad Amran (2002). “Pengurusan”. *Kertas kerja* yang dibentangkan dalam Bengkel Pengurusan yang diadakan di Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur pada 28 Disember.
- Koontz, Harold dan Weihrich, Heinz (1997) *Pengurusan*. Diterjemah Mohd. Salmi Mohd. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Berniker, E. (1987). Understanding technical systems. Paper presented at the *Symposium on Management Training Programs: Implication of New Technologies*, Geneva, Switzerland.